

Resolusi sokong Pak Lah

KOTA KINABALU: Semua 25 bahagian Umno Sabah meluluskan resolusi menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Presiden parti dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak selaku Timbalan Presiden Umno.

Bercakap pada sidang media selepas menguruskan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di sini, semalam, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata resolusi diluluskan menerusi mesyuarat bahagian,

"Kita puas hati perjalanan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian, manakala masalah yang timbul diselesaikan secara kekeluargaan," katanya.